

# Banjir tidak gugat kemasukan pelaburan asing ke WPI

KOTA TINGGI 7 Jan. - Banjir teruk yang melanda beberapa kawasan di Johor baru-baru ini tidak menjejaskan kemasukan pelaburan asing ke Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, sebaliknya, banyak pihak kagum dengan langkah-langkah yang telah diambil bagi membantu mangsa banjir dan cara bencana alam itu ditangani dengan begitu baik.

Beliau berkata, Singapura juga tidak melahirkan kebimbangan untuk melabur di negeri ini walaupun beberapa kawasan di Johor dilanda banjir teruk.

"Banyak tempat di dunia yang berkemungkinan dilanda banjir termasuklah London dan Paris. Apa yang penting ialah bagaimana kita menangani keadaan.

"Operasi bantuan telah dilakukan dengan baik antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan makanan di rumah anak-anak yatim di Kota Kechil di sini hari ini.

Sambil memberi contoh banjir yang pernah melanda New Orleans di Amerika Syarikat ekoran taufan Rita pada tahun 2005 sehingga mencetuskan keadaan huru-hara, Syed Hamid yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata, kebanyakan orang ramai yang terjejas kerana banjir di sini menjadi mangsa kejadian jenayah pecah rumah.

Beliau turut menyelar laporan yang menuduh bantuan yang dihulurkan kepada mangsa banjir berbaur perkauman.

Syed Hamid juga menafikan dakwaan

pasukan penyelamat menuntut bayaran sebagai balasan ke atas bantuan yang dihulurkan.

"Tidak berlaku sama sekali perbuatan diskriminasi. Hanya kerana seseorang itu memakai seluar celoreng tidak bermakna individu itu adalah askar.

## Palsu

"Dakwaan itu telah disiasat dan didapati ia merupakan dakwaan palsu," tegasnya.

Katanya, tanpa memilih bulu, beliau sendiri menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir tanpa mengambil kira kaum ataupun latar belakang etnik.

"Saya telah menghulurkan bantuan ke-

pada masyarakat Cina, India termasuk rakyat Myanmar dan Bangladesh," ujarnya.

Beliau berkata, pokok pangkalnya rakyat Malaysia perlu bersiap sedia untuk menghadapi perubahan cuaca yang tidak dapat dijangka.

Syed Hamid menambah, pada masa akan datang orang ramai perlu mengetahui cara untuk berhadapan dengan ribut taufan yang mungkin melanda negara ini.

"Kita tidak boleh leka. Kini kita perlu bersiap sedia menghadapi apa juga bencana," katanya.

Menurut beliau, adalah penting unit-unit bantuan penyelamat dapat dihubungi dengan mudah dan bantuan dapat dihulurkan pada setiap masa.